

10/04/2001

Syor PM gabung syarikat filem disokong

Izza Safinaz Ibrahim; Zul Husni Abdul Hamid

SARANAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya syarikat perfileman tempatan bergabung bagi memperkukuhkan modal untuk mengeluarkan filem lebih bermutu disambut baik oleh pengusaha filem negara.

Cadangan yang dijangka dapat menyegarkan kembali industri perfileman itu dinyatakan pada sesi dialog selepas melancarkan filem Embun arahan Erma Fatima di Angkasapuri, kelmarin.

Pengarah dan penerbit, Aziz M Osman, berkata beliau menyambut baik saranan itu namun karyawan perlu memperbaiki sikap untuk bersatu dan menerima pandangan setiap individu jika ingin bekerjasama.

"Saya terharu dengan kenyataan Perdana Menteri yang peka dengan kemelut industri perfileman tempatan. Memang ada kebenaran dalam cadangannya dan masyarakat filem harus bersatu bagi memantapkan kembali dunia seni tanah air.

"Cadangan PM bernas dan saya harap membuka mata pihak yang berkenaan. Jika kita sebagai orang filem lalai, industri ini mati dan peluang ini akan digunakan sepenuhnya untuk bahan luar memasuki pasaran.

"Mungkin saya boleh menghasilkan filem tetapi jika ia turut disertai mereka yang arif dalam pelbagai bidang lain, tentu filem yang dihasilkan itu boleh dibanggakan oleh industri dan bukan saya seorang," katanya yang ingin melihat cadangan itu menjadi kenyataan.

Beliau juga tidak menafikan penggabungan itu melahirkan kembali zaman kegemilangan Shaw Brothers, Cathay Keris dan Studio Merdeka.

Cadangan Perdana Menteri itu yang turut merangkumi pembikinan filem mengikut saiz pasaran diterima baik oleh penerbit Produksi Seni 2020, Wendy Wong.

"Saya menyokong saranan PM. Dalam keadaan ekonomi yang tidak begitu mengizinkan, langkah ini amat sesuai untuk terus menghidupkan industri perfileman.

"Sebagai penerbit, kami dapat berkongsi modal, jadi jika filem yang dihasilkan tidak mencapai kejayaan sekurang-kurangnya masih ada peluang meneruskan penerbitan lain.

"Tapi jika RM1 juta dilabur dan ditakdirkan gagal, sukar untuk bangkit kembali. Apabila dua atau tiga penerbit bergabung, kita tetap berpeluang kerana modal dikongsi bersama. Kita perlu mencari mereka yang bersesuaian serta selesa untuk bekerjasama," katanya.

Menurut Setiausaha Persatuan Pengeluar Filem Malaysia (PFM), Mustafa Maarof, penggabungan syarikat filem bagus dan mampu merangsang pengeluaran filem.

"Jika bergabung, ahli gabungan mesti jujur dan harus mengambil kira setiap pandangan. Memang susah mengawal kehendak sendiri, jadi perlu mengikut panduan yang dirangka dengan teliti untuk memperkukuhkan gabungan itu," jelasnya.

Menurut beliau, Finas harus meneruskan usaha itu dan mula membincangkan cadangan ini jika mereka bersungguh-sungguh mahu menjadikannya kenyataan.

"Penggabungan ini juga boleh menjadi asas untuk membangunkan artis berbakat apabila mereka diambil berlakon untuk lebih banyak filem seperti di bawah terbitan Shaw atau Cathay Keris. Barulah mereka (pelakon) dapat mengasah kemampuan masing-masing serta lebih dikenali," katanya.

Pengarah filem dan drama, Yusof Haslam pula berpendapat cadangan itu boleh dilaksanakan jika semua syarikat penerbitan boleh bertolak ansur dan bekerjasama.

"Industri perfileman adalah bidang yang memerlukan kreativiti dan kemahiran. Saya bersetuju dengan cadangan PM dan kita tidak perlu banyak syarikat filem kerana bilangan penonton yang kecil.

"Bagaimanapun syarikat yang ada perlu produktif mengeluarkan filem sekurang-kurangnya satu setiap tahun," katanya.

Menurut pengarah Shuhaimi Baba dari Pesona Pictures pula, gabungan itu sudah dicadangkan melalui kertas kerja yang dibuatnya bagi pihak PFM dan Gabungan Persatuan Karyawan Filem Malaysia (Gafim) kepada kerajaan tetapi masih menanti tindakan seterusnya.

"Kertas cadangan yang saya sediakan itu cukup terperinci untuk menubuhkan Perbadanan Kewangan Perfileman (Film Finance Corporation). Bagaimanapun, ia harus dikendalikan secara profesional dan bukan oleh konsortium.

"Dengan itu, semua syarikat perfileman boleh bernaung di bawahnya bagi memantapkan lagi industri," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif, Metrowealth International Group, David Teo, yang baru-baru ini menghasilkan filem Syukur 21 ingin melihat masyarakat memberi peluang kepada karyawan untuk membuktikan kemampuan dalam pembikinan filem berkualiti.

"Negara bukan tiada filem kualiti, tetapi penonton yang tidak dapat menerima filem seperti itu. Jika bergabung dan mempunyai modal besar sekali pun tetapi penonton enggan menerima filem tempatan, bagaimana mahu terbitkan filem yang baik?

"Mereka yang pernah melalui pengalaman ini, tentu bercadang menghasilkan filem bermodal tinggi. Penonton enggan mengakui kehebatan teknologi tempatan kerana lebih berbangga dengan teknologi luar.

"Disebabkan itu, sukar untuk bersaing dengan filem luar. Jika modal kecil, asalkan memenuhi selera penonton, itu sudah cukup. Apa yang penting sekarang ini adalah cita rasa mereka.

"Kita juga perlu berdikari, tidak boleh terlalu mengharap bantuan atau subsidi pihak lain. Orang luar kata menerbitkan filem di Malaysia berisiko tinggi dan barangkali disebabkan label ini sukar untuk kita tonjolkan filem tempatan," katanya.

(END)